

13/05/2002

Melayu harus buka minda kuasai ICT

KE ARAH celik teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi peneraju utama dalam perkembangan ICT negara menerima komputer notebook PC Suria, F1 Series, keluaran syarikat tempatan, Perbadanan Komputer Nasional Berhad (Nascom) daripada Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein (gambar) sempena perasmian Pembudayaan ICT dan pelancaran IT, minggu lalu, di Kuala Lumpur.

Notebook itu adalah produk khusus ciptaan Nascom untuk kegunaan pasukan Minardi KL dalam siri Formula One sepanjang tahun ini.

Acara anjuran Pergerakan Pemuda Umno itu diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dengan membabitkan lebih 1,000 peserta merangkumi ahli Umno dan pelajar.

Dr Mahathir ketika berucap berharap orang Melayu berupaya menghapuskan sekatan minda yang menjadi penghalang terhadap kaedah penerimaan maklumat baru untuk memajukan mereka bersaing dengan bangsa lain di dunia.

Katanya, ini bertujuan memudahkan mereka berhadapan dengan cabaran revolusi maklumat masa kini.

"Walaupun Melayu membuktikan keupayaan dalam bidang tertentu, realitinya masih terlalu banyak sekatan minda sehingga ada di antara mereka tidak dapat mengubah cara pemikiran," katanya.

Beliau menarik perhatian ini mengenai benteng tinggi yang masih menyekat orang Melayu untuk menguasai sistem baru termasuk menggunakan ICT.

"Tiada kelemahan otak orang Melayu, sebaliknya yang menjadi sekatan ialah mental block iaitu budaya kita yang tidak berminat belajar dan membuat kerja lebih," katanya.

(END)